

**SOALAN NO. 57****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN WONG CHEN  
[KELANA JAYA]****TARIKH : 31 JULAI 2017****SOALAN :**

**YB Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan berapa kaliakah Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri telah menggunakan jet peribadi VVIP Kerajaan Malaysia sepanjang tahun 2014, 2015 dan 2016.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula tahun 2014 sehingga 2016, Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong telah menggunakan perkhidmatan Pesawat Eksekutif Kerajaan di bawah seliaan Jabatan Perdana Menteri sebanyak 89 kali manakala YAB Perdana Menteri telah menggunakan perkhidmatan pesawat terlibat sebanyak 181 kali dan YAB Timbalan Perdana Menteri sebanyak 10 kali.

Secara Keseluruhan sebanyak 280 penerbangan telah dilaksanakan oleh Pesawat Eksekutif Kerajaan untuk kegunaan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri sepanjang tempoh tersebut.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA

[TASEK GELUGOR – BN UMNO]

**TARIKH :** 31 JULAI 2017

**SOALAN :** 58

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauh manakah usaha Kementerian dalam meningkatkan pertahanan siber dan memastikan ruang siber negara bebas daripada sebarang ancaman seperti serangan "Ransomware WannaCry".

**JAWAPAN:** **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kerajaan telah mengambil langkah proaktif bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan negara dalam menghadapi ancaman dan serangan siber melalui pembangunan dan pelaksanaan Pelan Pengurusan Krisis Siber Negara (National Cyber Crisis Management Plan – NCCMP). Pelan ini yang dibangunkan berdasarkan kepada rangka kerja pengurusan risiko menggariskan strategi bagi mengurangkan kesan serangan siber dan tindakbalas yang perlu dilaksanakan oleh agensi Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (Critical National Information Infrastructure – CNII) yang terdiri daripada agensi awam dan swasta. Pelan ini telah diterjemahkan kepada Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 24: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Siber Negara serta Prosedur Tindakbalas Komunikasi dan Penyelarasian Krisis Siber Negara.

Salah satu aktiviti utama yang digariskan di bawah Arahan MKN No. 24 adalah pelaksanaan Latih Amal Krisis Siber Negara (X-Maya) yang bertujuan untuk menguji keberkesanan prosedur dan membiasakan (*familiarize*) agensi CNII dengan mekanisme pengendalian insiden siber serta meningkatkan tahap keupayaan dan kesiapsiagaan agensi bagi menghadapi sebarang ancaman siber. Latih Amal Krisis Siber Negara ke-6 (X-Maya 6) yang telah diadakan pada 7 – 9 Mac 2017 yang lalu turut menggunakan simulasi insiden serangan siber ‘ransomware’ untuk diuji kepada 92 agensi CNII yang menyertai latih amal tersebut.

Selain itu, Kerajaan juga telah menetapkan keperluan dan *baseline* keselamatan siber yang perlu kepada agensi-agensi CNII melalui pelaksanaan Pensijilan MS ISO / IEC 27001 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (Information Security Management System – ISMS). Pensijilan ini menetapkan keperluan pematuhan melalui satu pendekatan yang sistematik dalam pengurusan maklumat bagi menjamin keselamatan maklumat termasuk polisi, proses, prosedur dan fungsi perkakasan serta perisian berkaitan.

Sebagai usaha untuk memantapkan lagi pengurusan keselamatan siber negara, Kerajaan telah bersetuju untuk menujuhkan Agensi Keselamatan Siber Negara (National Cyber Security Agency – NACSA) sebagai satu agensi pusat khusus yang bertanggungjawab ke atas semua aspek keselamatan siber melalui keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Januari 2016. Penubuhan NACSA sebagai agensi di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN) adalah komitmen serius kerajaan dalam menangani masalah ancaman siber yang datang dalam pelbagai bentuk di dunia maya dan internet.

Dalam pengendalian insiden serangan siber seperti *Ransomware WannaCry*, Kerajaan melalui Pusat Kawalan dan Penyelarasian Siber Negara (National Cyber Coordination and Command Centre – NC4) di bawah MKN melaksanakan pemantauan, mengeluarkan amaran dan nota peringatan (*advisory notes*) berkaitan langkah pencegahan dan perlindungan bagi menangani ancaman siber ini kepada semua

agensi Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (Critical National Information Infrastructure – CNII).

Sekian, terima kasih.